

**NOTA MAKLUMAN  
MENGENAI  
ADUAN IKAN MATI DI SUNGAI LABU, DENGKIL,  
SEPANG, SELANGOR**

## **TUJUAN**

Nota makluman ini adalah untuk memaklumkan status siasatan berhubung aduan ikan mati di Sungai Labu, Dengkil, Sepang, Selangor.

## **LATAR BELAKANG**

2. Pada 13 Mac 2016, jam 11.30 pagi, satu aduan telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Sepang melalui faksimili Bilik Operasi JAS Ibu Pejabat berhubung aduan di atas.
3. Susulan itu, JAS Cawangan Sepang telah menjalankan siasatan ke lokasi yang diadu pada hari yang sama. Sebelum siasatan dilakukan, pengadu iaitu Encik Abu Samah telah dihubungi bagi mendapatkan lokasi sebenar kejadian seperti yang didakwa oleh pengadu.

## **PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

### **Hasil Siasatan dan Tindakan Yang Telah Diambil JAS Cawangan Sepang.**

4. Hasil siasatan di lokasi iaitu di Latitud 2.81722 dan Longitud 101.67925, Sungai Labu, Dengkil mendapati tiada ikan mati yang ditemui seperti yang didakwa oleh pengadu. Semasa di lokasi pasukan penyiasat telah cuba menghubungi pengadu bagi memastikan perkara ini, walaubagaimanapun beliau gagal untuk dihubungi.
5. Tinjauan di sekitar lokasi dan kawasan yang diadu, didapati air sungai berwarna keroh yang berpunca daripada kerja-kerja mencuci pasir yang dijalankan oleh kontraktor yang melombong pasir berhampiran kawasan berkenaan. Semakan dengan Unit EIA Jabatan Alam Sekitar Selangor mengesahkan tiada projek melombong pasir yang mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) oleh JAS Selangor di kawasan berkenaan.
6. Berdasarkan pemerhatian kawasan sekitar lokasi kejadian tiada aktiviti memancing atau menangkap ikan dilakukan. Lokasi aduan ini juga terletak di hilir daripada Loji Rawatan Air Bukit Tampoi dan tidak mempengaruhi operasi loji berkenaan.

7. JAS Cawangan Sepang juga telah memaklumkan hasil siasatan ini kepada pengadu.

## **SYOR**

8. Tiada kematian ikan di kawasan Sungai Labu, Dengkil seperti yang dilaporkan dan aduan didapati tidak berasas. Walau bagaimanapun bagi aktiviti melombong pasir di kawasan berkenaan, akan dirujuk kepada Pejabat Tanah dan Galian Dearah Sepang serta Lembaga Urus Air Selangor untuk tindakan pihak berkenaan selanjutnya.

## **PENUTUP**

9. Dipohon untuk mengambil maklum hasil siasatan dan syor Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Cawangan Sepang berhubung aduan ikan mati di Sungai Labu, Dengkil, Selangor dan tindakan yang telah diambil.

**JABATAN ALAM SEKITAR  
NEGERI SELANGOR  
15 MAC 2016**